

25/02/2003

Utamakan negara membangun

BRUNEI, negara kecil yang kaya dengan minyak meminta NAM memberi tumpuan kepada hala tuju masa depan sebagai suara penting bagi negara membangun.

Sultan Hassanah Bolkhiah ketika berucap pada sidang pleno semalam berkata, sejak menyertai NAM pada 1982, pihaknya gembira kerana pergerakan

itu memberi fokus yang banyak kepada kerjasama Selatan-Selatan.

"Ini juga sejajar dengan banyak daripada kerja kita dalam Asean. Ia juga

memberi fokus yang lebih menjurus kepada kerja kita di dalam badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Komanwel.

"Kita rasakan ia (NAM) juga membantu untuk menyediakan tapak asas dalam

pembinaan hubungan moden di antara negara membangun dan negara perindustrian," katanya.

Baginda juga memuji Pengerusi NAM kali ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana beliau adalah penyokong kuat kepada negara membangun di dalam Asean, PBB, Komanwel dan Kumpulan 15 negara (G-15).